

29 JAN 1998

Mahathir-Raya

EKONOMI:DR MAHATHIR MINTA RAPATKAN BARISAN PERTAHANKAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua kaum, kumpulan dan kesatuan di negara ini supaya merapatkan barisan bagi mempertahankan negara dalam menghadapi masalah ekonomi.

Beliau berkata barisan yang bersatu padu itu dapat menjauhkan negara daripada sebarang usaha untuk menjajah semula negara ini.

"Kita tahu bahawa ada usaha untuk menjajah kita semula. Perjuangan melawan penjajahan oleh orang asing adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia," katanya dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan menerusi RTM malam ini.

Beliau berkata adalah malang sekali kerana terdapatnya orang tertentu dan kumpulan yang cuba mengambil kesempatan daripada masalah ekonomi negara untuk memajukan politik dan kumpulan mereka.

"Kita adalah sebuah negara demokratik yang suara ramai dihormati dan suara minoriti bebas disuarakan. Kerajaan Malaysia dipilih oleh rakyat dan diberi hak untuk memerintah sehinggalah pemilihan dibuat semula.

"Amalan demokrasi adalah untuk kebaikan kita dan bukan kita yang harus dikorbankan untuk kononnya menunjukkan betapa demokratiknya kita sehingga kita dijajah semula oleh orang asing," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata walaupun pihak asing berterusan bercakap mengenai demokrasi tetapi mereka tidak segan untuk memaksa kerajaan yang dipilih secara demokratik supaya menerima arahan mereka.

"Mereka ini berpendapat mereka bertanggungjawab untuk mendisiplinkan kerajaan-kerajaan negara lain yang dipilih oleh rakyat.

"Jika kerajaan tidak patuh kepada arahan mereka, maka berbagai-bagai tekanan kewangan dan ekonomi dikenakan kepada kerajaan dan rakyat," katanya.

Beliau berkata sebenarnya, penekanan ke atas rakyat menjadi cara untuk memaksa kerajaan mematuhi arahan dan kehendak mereka.

"Kita harus faham bahaya besar yang dihadapi negara. Jika kita tidak berjaga-jaga, kita akan dijajah semula dengan penjajahan yang tidak kurang menghinakan.

"Maruah kita yang belum dapat kita tebus sepenuhnya, akan hancur sekali lagi. Dan kali ini mungkin kita tidak akan dapat memulihkannya lagi," tegas beliau.

Sambil mengharapkan rakyat bersabar menghadapi masalah ekonomi, Dr Mahathir mengingatkan rakyat bahawa sekarang bukannya masa bagi memperjuangkan kepentingan diri, puak atau parti.

Beliau menegaskan jika berlaku perpecahan dan tindakan dalam mengatasi masalah ekonomi negara, keadaan itu akan merosot lagi dan pihak asing akan berjaya menguasai negara ini.

"Percayalah, nasib kita semua akan menjadi sama buruk, termasuk mereka yang cuba mengambil peluang memperalatkan masalah yang dihadapi oleh negara," tegasnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata dengan sokongan kuat majoriti rakyat negara serta usaha kerajaan membina asas-asas kukuh, pentadbiran negara dapat diurus dengan baik tanpa dipengaruhi oleh mana-mana kumpulan yang ingin menggunakan kuasa kerajaan secara yang tidak bijak.

Dr Mahathir berkata sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri, rakyat harus bersyukur kerana masih dapat menyambutnya dalam keadaan aman dan tenteram walaupun negara menghadapi kelembapan ekonomi akibat kejatuhan

nilai ringgit berbanding dolar Amerika.

Beliau berkata seperti yang disebut dalam Al-Quran, orang yang tahu bersyukur akan menerima lebih banyak nikmat.

"Insya-Allah masalah kita akan dapat dipulihkan dan kita akan kembali kepada keadaan seperti dahulu, tetapi lebih bijak dan lebih arif akan cabaran dan ancaman yang kita perlu hadapi sepanjang masa.

"Jika kita tahu mengurus kehidupan kita, kesan kejatuhan tidak akan dirasakan sangat," kata beliau.

Dr Mahathir mengulangi saranannya kepada rakyat supaya mengurangkan penggunaan barangan luar negeri dan menggantikan dengan barangan tempatan yang lebih murah.

Perdana Menteri berkata memandangkan Hari Raya disambut hampir sama dengan Tahun Baru Cina, kesempatan itu harus diambil bagi menjalin perhubungan baik antara dua kaum yang besar di negara ini.

"Kebolehan kita merayakan hari kebesaran bersama adalah bukti pemahaman kita dalam menangani masalah hubungan kaum di negara kita," kata beliau. --  
BERNAMA

NZ NAK